

**DIMENSI TADBIR URUS EKONOMI UTHMANIYYAH DALAM
PEMODENAN MAHMUD II (1808-1839)**

***THE DIMENSION OF OTTOMAN ECONOMIC GOVERNANCE IN
THE MODERNISATION ERA OF MAHMUD II (1808-1839)***

Ezad Azraai Jamsari*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Muhamad Zharif Baharudin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Anwar Muttaqin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Wan Kamal Mujani

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Mohd Roslan Mohd Nor

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia

Ammalina Dalillah Mohd Isa

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Adibah Sulaiman

Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

**Corresponding Author's Email: ezad@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Jamsari, E. A., Baharudin, M. Z., Muttaqin, A., Mujani, W. K., Mohd Nor, M. R.,
Mohd Isa, A. D. & Sulaiman, A. (2026). Dimensi Tadbir Urus Ekonomi

Uthmaniyyah dalam Pemodenan Mahmud II (1808-1839). *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 13-32.

ABSTRAK

Kemerosotan kuasa politik, ekonomi dan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah menjelang awal abad ke-19M mencetuskan keperluan mendesak untuk melakukan reformasi menyeluruh, khususnya dari aspek pentadbiran fiskal dan ekonomi. Sungguhpun era Tanzimat sering dianggap sebagai permulaan pemodenan institusi Uthmaniyyah, penulisan ini berpandangan zaman pemerintahan Mahmud II (1808-1839) telah lebih awal menandakan satu perubahan paradigma dalam pengurusan ekonomi Uthmaniyyah yang lebih rasional, berpusat dan berteraskan prinsip tatakelola moden. Kupasan penulisan ini berpusat pada persoalan sejauh mana reformasi Mahmud II mampu merombak struktur ekonomi feodal yang telah berakar dan membina asas institusi fiskal moden, meskipun berdepan dengan tentangan konservatif daripada golongan elit birokrat, ulama dan juga kalangan ketenteraan tradisional. Objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis dasar-dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Mahmud II serta menilai keberkesanan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Penulisan ini bersifat kajian kualitatif dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran terhadap dokumen dan teks sejarah yang relevan. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa Mahmud II telah melaksanakan pelbagai pembaharuan ekonomi seperti penghapusan sistem *timar*, penubuhan *Maliye Nezâreti*, *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî*, pembinaan sistem cukai moden serta penyusunan institusi perbendaharaan dan perdagangan yang lebih sistematik. Pembaharuan ini turut membuka jalan kepada pembentukan sebuah pemerintahan yang berdaulat dan berdaya saing dalam menghadapi tekanan kuasa-kuasa Eropah dan pasaran perdagangan antarabangsa. Penulisan ini menyimpulkan keperluan untuk menilai semula peranan Mahmud II sebagai pelakar awal kerajaan moden di dunia Islam. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti kesan mikro reformasi ini terhadap masyarakat di pedalaman serta membandingkan model pemodenan fiskal Uthmaniyyah dengan pemerintahan Islam lain pada abad ke-19M.

Kata kunci: sejarah ekonomi Uthmaniyyah, Mahmud II, reformasi tadbir urus, tadbir urus fiskal

ABSTRACT

The decline of the Ottoman Kingdom's political, economic, and military power in the early 19th century triggered an urgent need for comprehensive reforms, particularly in the areas of fiscal and economic administration. Although the Tanzimat era is often regarded as the beginning of Ottoman institutional modernisation, this paper argues that the reign of Mahmud II (1808-1839) had already marked an earlier paradigm shift towards a more rational, centralised, and

modern governance-based approach to economic management. This study centres on the extent to which Mahmud II's reforms were able to dismantle the deeply entrenched feudal economic structure and lay the foundations for modern fiscal institutions, despite facing conservative resistance from the bureaucratic elite, the religious scholars (ulema), and the traditional military class. The objective of this study is to analyse the economic policies introduced by Mahmud II and to evaluate their effectiveness and the challenges encountered during implementation. Adopting a qualitative research approach, this study applies a historical research design and content analysis. Data were collected through documentation methods, focusing on credible and authoritative sources. For data analysis, the study employs a descriptive approach by conducting both internal and external criticism of relevant historical documents and texts. The findings of this study assert that Mahmud II implemented a range of economic reforms, including the abolition of the timar system, the establishment of the Maliye Nezâreti (Ministry of Finance), Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî (Military Council), the development of a modern taxation system, and the restructuring of treasury and trade institutions into more systematic frameworks. These reforms also paved the way for the emergence of a sovereign and competitive state capable of responding to European pressures and the dynamics of the international trade market. The study concludes by highlighting the need to reassess Mahmud II's role as a pioneering architect of modern statehood in the Islamic world. Further research is recommended to explore the micro-level impacts of these reforms on rural communities and to compare the Ottoman model of fiscal modernisation with that of other Islamic polities in the 19th century

Keywords: *Ottoman economic history, Mahmud II, governance reform, fiscal administration*

1.0 PENGENALAN

Pemodenan Kerajaan Uthmaniyyah pada awal abad ke-19M berlaku dalam konteks kuasa politik dan ketenteraan yang kian merosot secara ketara serta tekanan luaran daripada kuasa-kuasa Eropah yang semakin agresif. Dalam menghadapi ancaman kejatuhan dan ketidakefisienan struktur lama, Mahmud II muncul sebagai tokoh reformis yang membawa agenda pemodenan menyeluruh terhadap institusi-institusi pentadbiran, ketenteraan dan ekonomi Uthmaniyyah (Doğan, 2013). Antara tumpuan utama usaha pembaharuannya adalah mewujudkan sebuah struktur pentadbiran ekonomi yang lebih tersusun dan moden demi menjamin kelangsungan kerajaan serta menyaingi kekuatan ekonomi Barat yang semakin dominan. Justeru, pemerintahan Mahmud II menandakan permulaan kepada satu paradigma baharu dalam pengurusan ekonomi Uthmaniyyah yang lebih rasional, berpusat dan berorientasikan pembangunan institusi. Paradigma baharu ini tidak hanya muncul dalam kekosongan sejarah, namun merupakan reaksi terhadap kegagalan model ekonomi tradisional Uthmaniyyah yang bersandarkan sistem percukaian *iltizam*, monopoli pihak istana dan jaringan kelompok pertukangan dan perindustrian yang tidak lagi responsif terhadap realiti ekonomi moden (Pamuk, 2014).

T9yPada era pemerintahan Mahmud II, perubahan mula diterapkan menerusi pelaksanaan reformasi fiskal, pemansuhan monopoli golongan korporat, peminggiran pengaruh kelompok industri tradisional serta pembinaan institusi-institusi baharu seperti kementerian kewangan dan juga sistem cukai berpusat. Di samping itu, reformasi pentadbiran turut diperkuat dengan penghapusan golongan Janissari, yang selama ini menjadi penghalang utama kepada modernisasi struktur pentadbiran ketenteraan Uthmaniyyah (Şahin & Keleş, 2019). Ini sekali gus membenihkan satu kerangka baharu pentadbiran ekonomi yang lebih birokratik, teknokratik dan terbuka kepada model pentadbiran ala Barat.

Usaha pemodenan Mahmud II memperlihatkan gabungan antara unsur tradisional dan pendekatan *rational-legal* yang sistematik, khususnya melalui pembentukan birokrasi ekonomi berpusat yang lebih telus dan teratur. Pemodenan ini bukan sekadar strategi penyelamatan kuasa politik, tetapi mencerminkan visi pembinaan pemerintahan moden yang berdaulat dan berdaya saing, menjadikan Mahmud II sebagai perintis pemodenan sebelum era Tanzimat (Kılıç, 2020). Sejalan dengan itu, proses ini menghadapi pelbagai cabaran, termasuk tentangan daripada kelompok Janissari, golongan elit feodal dan birokrat lama serta tekanan geopolitik dari kuasa Eropah. Dalam kekangan teknologi dan kepakaran, Mahmud II melaksanakan reformasi secara bertahap dan berhati-hati, dengan matlamat memperkukuh asas pentadbiran ekonomi sebelum memperluas pemodenan secara menyeluruh.

Sebagai intisari daripada huraian di atas, makalah ini memerihalkan secara kritis bagaimana perubahan yang dilaksanakan semasa pemerintahan Mahmud II membentuk satu dimensi baharu dalam pentadbiran ekonomi Uthmaniyyah. Tumpuan diberikan pada struktur institusi, dasar fiskal serta pendekatan tadbir urus ekonomi yang diambil dalam kerangka pemodenan pemerintahan. Melalui analisis terhadap langkah-langkah reformasi yang dijalankan, penulisan ini bertujuan untuk mengutarakan bahawa pemerintahan era Mahmud II boleh dianggap sebagai detik awal pembentukan tadbir urus ekonomi moden bagi pemerintahan Uthmaniyyah dari sudut teori dan praktik pentadbiran.

2.0 CAKUPAN HOLISTIK KAJIAN

Penulisan ini bertitik tolak daripada kenyataan Stephanov (2019) yang menghujahkan reformasi ekonomi Mahmud II (1808-1839) bertujuan untuk memodenkan struktur kewangan dan tadbir urus Uthmaniyyah melalui proses pemusatan kuasa serta pewujudan sistem birokrasi bergaji yang lebih efisien. Beliau menjelaskan:

Mahmud II undertook a number of reforms aimed at transforming the structure of the Ottoman state, particularly through the centralization of authority and the establishment of a salaried bureaucracy. This included the abolition of the Janissary Corps and the liquidation of the timar system, both of which had provided bases of power to entrenched elites and provincial notables. These reforms threatened the interests of traditional bureaucratic and military elites, resulting in various forms of resistance.

Kenyataan ini menunjukkan proses pembaharuan yang diperkenalkan oleh Mahmud II bukan sahaja menekankan elemen rasionalisasi pentadbiran dan kewangan, tetapi juga berhadapan dengan tentangan daripada golongan elit tradisional termasuk birokrat, ulama dan kelompok tentera konservatif. Reformasi yang memansuhkan sistem *timar* dan institusi ketenteraan tradisi seperti Kor Janissari telah menggugat struktur kuasa warisan yang lama berakar dalam sistem politik Uthmaniyyah buat berabad lamanya. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada reformasi tersebut benar-benar berjaya menyusun semula pentadbiran ekonomi secara berkesan, atau sekadar mencetuskan konflik kuasa antara pembaharuan moden dengan warisan feodal. Analisis seumpamanya turut disokong dengan pemerian Suleymanov (2025) yang menegaskan sungguhpun reformasi Mahmud II membuka jalan kepada pemodenan pada era Tanzimat, namun pelaksanaannya berhadapan pula dengan rintangan daripada kelompok agamawan konservatif serta ketenteraan yang berpegang kepada struktur lama. Beliau menegaskan:

Sultan Mahmud II's reign marked a period of significant transformation for the Ottoman Empire, with sweeping reforms that aimed to modernize its military, administration, and society. While his reforms faced resistance, particularly from the Janissaries and conservative religious groups, they set the stage for further modernization efforts during the Tanzimat period after his death.

Kenyataan ini membuktikan proses pemodenan dalam Kerajaan Uthmaniyyah bukan sahaja bergelut dengan kekangan sumber dan struktur birokrasi, malah turut dipengaruhi oleh faktor-faktor sosiopolitik dalaman yang kompleks. Penentangan yang wujud sepanjang era Mahmud II mencerminkan pertembungan antara ideologi pembaharuan dengan nilai-nilai tradisional yang dipegang kuat oleh institusi sedia ada. Oleh yang demikian, Penulisan ini dijalankan untuk meneliti secara kritis bentuk penentangan terhadap reformasi Mahmud II, khususnya dalam bidang ekonomi dan pentadbiran serta menilai usaha pemodenan ini dalam dimensi baharu struktur kuasa politik pemerintahan Uthmaniyyah pada awal abad ke-19M.

Selain penekanan terhadap kepentingan pembaharuan institusi dalam sejarah Uthmaniyyah, kekurangan sumber yang menumpukan pada penganalisan tuntas terhadap cabaran serta respons sosial-politik dalam reformasi ekonomi era Mahmud II menunjukkan kewujudan satu kelompangan penting dalam wacana sejarah ekonomi Islam. Sebahagian besar sumber yang sedia ada lebih banyak menelusuri reformasi ketenteraan atau Tanzimat secara umum, tanpa menumpukan pada dimensi struktur kewangan dan pentadbiran ekonomi yang diasaskan semasa era Mahmud II (1808-1839) (Stephanov, 2019). Kekurangan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk satu perbahasan yang tertumpu pada konteks awal reformasi ekonomi sebelum Tanzimat, khususnya berasaskan sumber-sumber sejarah yang relevan dan bersifat analitis.

Tambahan pula, keterbatasan penelitian yang menyeluruh terhadap bentuk penentangan yang muncul dalam kalangan birokrat tradisional, ulama konservatif dan kelompok *sipahi* terhadap perubahan institusi ekonomi pada era tersebut menjadikan penulisan ini signifikan dari sudut historiografi (Güney & Onhan, 2020).

Tanggapan Mahmud II berjaya menjalankan reformasi secara mutlak perlu dinilai semula dengan mempertimbangkan hakikat usaha baginda sering kali berhadapan dengan reaksi balas daripada struktur sistem politik lama yang merasa terancam dengan pengurangan kebergantungan kepada sistem *timar* dan dominasi pengaruh Janissari (Şahin & Keleş, 2019).

Oleh yang demikian, penulisan ini mencerakinkan pendekatan yang lebih kritikal terhadap faktor institusi, politik dan sosial yang saling berkaitan dalam proses pemodenan ekonomi Uthmaniyyah. Keseluruhan perbincangan ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Perbincangan sejarah merupakan pendekatan yang meneliti, mengumpul dan menganalisis maklumat serta data sedia ada secara kritis dan sistematik berdasarkan perbincangan secara kronologi. Pendekatan ini digunakan untuk mengupas usaha-usaha pemodenan ekonomi yang diperkenalkan oleh Mahmud II sepanjang pemerintahannya dari tahun 1808 sehingga tahun 1839, khususnya dalam konteks struktur tadbir urus kewangan, sistem percukaian, pembubaran institusi lama dan pembentukan mekanisme pentadbiran baharu. Kaedah analisis kandungan pula diaplikasikan untuk meneliti isi kandungan sumber-sumber yang meyakinkan secara objektif serta tersusun. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen yang melibatkan pemilihan serta penelitian kritikal terhadap sumber-sumber terpilih.

Bagi kaedah penganalisan data, penulisan ini menggunakan pendekatan kritikan dalaman dan kritikan luaran. Kritikan dalaman digunakan kepada pentafsiran isi kandungan dan maksud tersirat di sebalik teks sejarah, manakala kritikan luaran digunakan untuk menilai kesahihan, ketulenan serta konteks penghasilan dokumen. Dengan gabungan pendekatan ini, penulisan dapat membina naratif yang lebih teliti dan berwacana berkenaan cabaran serta realiti pelaksanaan reformasi era Mahmud II dalam pemerintahan Uthmaniyyah.

3.0 PEMODENAN STRUKTUR FISKAL DAN PENTADBIRAN EKONOMI

Abad ke-19M menandakan detik sejarah Kerajaan Uthmaniyyah perlu menilai semula asas-asas kewujudannya sebagai sebuah entiti politik yang berdaulat di tengah gelombang perubahan global yang semakin mendesak. Mahmud II, sebagai pelakar awal gerakan reformasi menyeluruh, memahami kekuasaan politik tanpa infrastruktur fiskal yang kukuh hanyalah bayang-bayang kedaulatan yang rapuh. Dengan latar dunia yang kian ditentukan oleh perkembangan ekonomi pasaran semasa, tekanan geopolitik menyeluruh dan kemunculan bangsa moden di Eropah, Mahmud II menggagaskan pembaharuan pemerintahan bukan semata-mata melalui kekuatan ketenteraan atau simbolik autoriti golongan istana, tetapi menerusi penstrukturan mendalam terhadap asas-asas ekonomi, perbendaharaan dan pentadbiran hasil (Anh, 2024). Pemodenan fiskal dalam kerangka ini bukanlah suatu agenda teknokratik yang terpisah, sebaliknya merupakan teras falsafah kenegaraan baharu yang berteraskan rasionalisasi kuasa, penyeragaman institusi dan penyingkiran lapisan-lapisan perantara yang selama ini melemahkan keupayaan kuasa pusat. Justeru, usaha Mahmud II untuk membina semula kekuatan fiskal kerajaan perlu ditanggapi bukan hanya sebagai tindak balas terhadap keruntuhan

institusi lama, tetapi sebagai manifestasi awal kepada kelahiran semula Kerajaan Uthmaniyyah dalam citra baharu yang lebih moden, sistemik dan berdaya tahan. Dalam kerangka tersebut, penubuhan *Maliye Nezâreti* (Kementerian Kewangan Uthmaniyyah) mencerminkan usaha merasionalkan tatakelola kewangan, malah turut mengagagas transisi penting daripada bentuk kuasa tradisional kepada model kenegaraan yang berakar pada prinsip rasional dan birokratik (Güvemli, 2018).

Penubuhan *Maliye Nezâreti* menandakan satu anjakan besar dalam sejarah pemodenan tadbir urus fiskal kerajaan, khususnya ketika era Mahmud II (Güney & Onhan, 2020). Institusi ini mula diperkenalkan melalui titah rasmi kerajaan pada tahun 1838 sebagai usaha awal menyatukan pelbagai jabatan hal-ehwal kewangan yang sebelum itu beroperasi secara terpisah. Sekalipun kementerian tersebut pernah ditubuhkan dalam fasa awal pentadbiran, kewujudannya terbukti rapuh dan tidak mampu bertahan dalam kerangka institusi yang mapan, lalu dibubarkan dalam jangka waktu yang singkat. Sebaliknya, pemulihannya bertitik tolak daripada pengisytiharan Piagam Gülhane pada tahun 1839, yang menandai teretusnya gerakan Tanzimat di bawah pimpinan *Grand Vizier* Mustafa Reşid Pasha sebagai sebuah manifestasi awal hasrat Kerajaan Uthmaniyyah untuk merombak struktur pentadbiran melalui prinsip rasionalisme, ketelusan fiskal dan pemusatan kuasa yang berorientasikan kerajaan moden (Stephanov, 2019; Goodwin, 2006). Proses pemulihan ini bukan sekadar menyatukan semula institusi penting seperti *Hazine-i Âmire* (Perbendaharaan Diraja) dan *Mansure Army Treasury* di bawah satu pentadbiran berpusat, malah melambangkan permulaan struktur kewangan moden dalam kerajaan (Güvemli, 2018). Meskipun *Ceb-i Hümayun* (Khazanah Peribadi Sultan) kekal sebagai entiti teknikal yang berasingan, ia tetap tertakluk kepada pengawasan dan kawalan kementerian yang baru dibentuk ini. Sehubungan dengan itu, penubuhan *Maliye Nezâreti* tidak hanya berperanan sebagai agensi teknikal, tetapi juga sebagai simbol reformasi institusi kewangan secara menyeluruh.

Usaha pemodenan ini tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa mengambil kira penghapusan sistem feodal *timar* oleh Mahmud II pada tahun 1831 (Meirison, 2020). Sistem *timar*, yang sebelum ini membolehkan golongan elit tempatan memegang kuasa ekonomi dan politik melalui pemilikan tanah serta kutipan cukai, telah digantikan dengan sistem *iltizam*, iaitu mekanisme pajakan cukai tahunan yang dikuasai oleh pusat (Pamuk, 2014). Pembaharuan ini bertujuan memperkasa kerajaan pusat dalam kawalan tatakelola kewangan awam dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada golongan feodal wilayah. Penubuhan semula *Maliye Nezâreti* pada tahun 1839 adalah kesinambungan langsung daripada langkah ini, sejajar dengan cita-cita Tanzimat untuk menyusun semula institusi kerajaan berdasarkan prinsip rasional, kebertanggungjawaban dan ketelusan (Güvemli, 2018). Dalam konteks ini, pasca Perang Krimea (1862), institusi seperti *Divan-ı Muhasabat* ditubuhkan bagi menjalankan semakan belanjawan dan audit kewangan kerajaan, yang akhirnya berkembang menjadi struktur perancangan dan kawalan bajet lebih sistematik (Erdil & Kış, 2022). Secara keseluruhan, perubahan yang dibawa melalui *Maliye Nezâreti* bukan sahaja menamatkan pengaruh struktur feodal dalam pengurusan kewangan kerajaan, malah membuka jalan kepada kemunculan Kerajaan Uthmaniyyah baharu yang lebih moden, berpusat dan teratur dari sudut institusi serta prinsip tadbir urus.

Ketika sisa sistem feodal mula digugat oleh arus rasionalisasi pentadbiran, Kerajaan Uthmaniyyah mula merintis jalan ke arah pembinaan struktur ketenteraan yang lebih lestari dan terancang, yang buat pertama kalinya terzahir melalui penubuhan majlis *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî* sebagai manifestasi awal ke arah pembaharuan menyeluruh. *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî*, iaitu sebuah majlis ketenteraan yang ditubuhkan pada era Mahmud II, berperanan sebagai pusat perancang dan penyelaras hal-ehwal ketenteraan, khususnya selepas pembubaran Kor Janissari dalam peristiwa *Vak'a-i Hayriye* pada tahun 1826 (Yılmaz, 2024). Institusi ini menjadi lambang transisi dari sistem ketenteraan tradisional berteraskan *timar* kepada model birokratik moden melalui pengurusan pasukan tetap seperti *Asâkir-i Mansûre-i Muhammediye*, yang menandakan arah baharu dalam pemikiran ketenteraan dan struktur kekuasaan Uthmaniyyah. Manakala, Mahmud II memperkukuh struktur kewangan kerajaan dengan mengekalkan prinsip asas *İrad-ı Cedîd*, yakni pengumpulan hasil baharu daripada sumber bukan tradisional seperti cukai tanah, pengambilalihan hak milik *timar*, dan sumbangan dari institusi *vakıf*, bagi membiayai pembentukan *Asâkir-i Mansure-i Muhammediye* serta memperbaharui sistem pentadbiran dan birokrasi Uthmaniyyah (Suleymanov, 2025). Prakarsa ini turut melibatkan pemansuhan sistem *timar* dan *ziamet* yang tidak lagi efisien, serta penyusunan semula pentadbiran awam yang menekankan kecekapan dan pengawasan sistematik terhadap kutipan hasil cukai (Shaw & Yapp, 2024). Bahkan, Mahmud II turut mengambil langkah progresif dengan mengurangkan pembaziran dalam institusi istana, membatalkan gelaran kehormat yang tiada fungsi, menggubal dasar kewangan baharu seperti larangan pungutan cukai luar musim serta penubuhan suruhanjaya kawalan hasil daerah. Dalam kerangka ini, penubuhan *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî* memperlihatkan kesinambungan reformasi tersebut dalam sektor ketenteraan, melalui penyelarasan strategi dan pengurusan pasukan tetap secara berpusat, sekali gus menggantikan model ketenteraan tradisional yang berteraskan sistem *timar* dan *sipahi* (Yildirim, 2006).

Seiring dengan perkembangan tersebut, idealisme fiskal yang dijelmakan melalui sistem perbendaharaan *İrad-ı Cedîd* tidak terlepas daripada cabaran struktural dan rintangan sosiopolitik yang kompleks. Kekuatan perbendaharaan ini tetap bergantung kepada keberkesanan jaringan birokrasi yang masih sedang berkembang dan terdedah kepada ketirisan serta korupsi tadbir urus tempatan. Dalam konteks ketenteraan pula, kewujudan institusi seperti *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî* mencerminkan usaha kerajaan pusat untuk menyusun semula struktur pertahanan secara lebih sistematik, namun ia juga tidak sepenuhnya bebas daripada cabaran organisasi dan ketidaktentuan pelaksanaan di peringkat *eyalet* (wilayah) (Yildirim, 2006). Di samping itu, langkah Mahmud II untuk menamatkan sistem *timar* bukan sahaja melemahkan struktur ketenteraan lama, tetapi turut menjejaskan jaringan kuasa tradisional seperti golongan *ayan*, yang selama ini menjadi pengantara antara pusat dan wilayah (Stephanov, 2019). Dalam beberapa kes, pelaksanaan reformasi ketenteraan yang diselaraskan melalui *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî* mencetuskan ketegangan di peringkat wilayah dan menyebabkan kerencatan dalam mobilisasi sumber serta logistik ketenteraan. Malah, fungsi majlis ini kadangkala menyimpang daripada tujuan asalnya apabila perlu menangani beban pentadbiran awam yang semakin kompleks dan membebankan. Justeru, sungguhpun *Dar-ı Şura-yı Bâb-ı Askerî* mencerminkan aspirasi Mahmud II terhadap dimensi

pemodenan terancang, ia juga mendedahkan realiti proses pembinaan kerajaan moden bukanlah satu garis lurus, tetapi suatu dialektika antara reformasi dan rintangan, antara rasionaliti pusat dan kepentingan setempat, serta antara iltizam politik dan batas kemampuan institusi.

Dalam jalur sejarah yang serentak dengan usaha pembaharuan dari dalam, muncul desakan dari luar yang menuntut penyesuaian radikal terhadap dasar perdagangan. Termeterainya Perjanjian Balta Limanı pada tahun 1838 antara Kerajaan Uthmaniyyah dan Britain menjadi lambang jelas kepada peralihan kuasa ekonomi daripada tangan kerajaan kepada struktur pasaran antarabangsa yang lebih terbuka dan kompetitif (Demirbaş, 2015). Perjanjian Balta Limanı menghapuskan hak monopoli kerajaan dalam urusan perdagangan tempatan dan antarabangsa, sekali gus memaksa Uthmaniyyah membuka pasaran domestiknya kepada kuasa asing. Dalam konteks ini, sistem monopoli tradisional yang dikenali sebagai *yed-i vahit* yang memberikan kerajaan kawalan eksklusif ke atas pengeluaran, pengedaran dan penjualan barangan utama seperti garam, tembakau, bijirin dan sutera dimansuhkan sepenuhnya (Balci, 2023). Akibat daripada liberalisasi ini, pedagang asing, khususnya dari Britain, memperoleh akses pasaran yang hampir tidak terbatas, dan pada masa yang sama, pedagang tempatan kehilangan pelindung institusional yang sebelum ini menjamin kelangsungan ekonomi mereka dalam ekosistem perdagangan tertutup. Ketidakseimbangan struktur pasaran menjadi semakin ketara apabila kuasa modal asing mengatasi kemampuan sektor perdagangan tempatan yang masih bergantung kepada jaringan niaga berasaskan komuniti dan skala pengeluaran yang kecil.

Rentetan daripada itu, Perjanjian Balta Limanı 1838 acapkali digambarkan sebagai langkah awal ke arah pemodenan ekonomi dan integrasi pasaran Uthmaniyyah ke dalam sistem kapitalisme antarabangsa, pelaksanaannya membawa implikasi yang jauh lebih mendalam terhadap sistem institusi kewangan kerajaan dan keseimbangan kuasa ekonomi domestik (Demirbaş, 2015). Dengan menetapkan kadar cukai import dan eksport pada tahap maksimum tiga peratus, manakala cukai transit dikenakan antara dua hingga sembilan peratus, bergantung kepada laluan dagangan. Ketetapan kadar cukai yang terlalu rendah ini secara langsung menghadkan keupayaan Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengawal kemasukan barang asing secara efektif dan seterusnya melindungi industri domestik. Dalam suasana ekonomi yang kian didominasi kuasa asing, institusi perdagangan baharu yang diwujudkan pasca-1839 berperanan penting sebagai mekanisme kawalan pasaran, bukan sahaja dari sudut kutipan hasil, tetapi juga dalam memantau edaran barangan, perlesenan perdagangan dan pengawalan harga, sekali gus mengurangkan ketergantungan terhadap struktur monopoli lama.

Antara institusi penting yang diwujudkan ialah *Meclis-i Ticaret ve Ziraat* (Majlis Perdagangan dan Pertanian), yang berfungsi sebagai badan penasihat dan pelaksana dasar perdagangan dan pertanian (Sariköse, 2017). Majlis ini bertanggungjawab memantau harga barangan asas, mengatur perlesenan perdagangan, menentukan garis panduan eksport dan import serta menilai dampak ekonomi dari segi pengeluaran domestik dan kebergantungan terhadap barangan luar. Selain itu, Mahmud II turut menguatkuasakan sistem *gümriük* di pelabuhan-pelabuhan utama seperti Izmir, Salonika dan Beirut, yang bukan sahaja berperanan mengutip hasil cukai kastam, tetapi juga bertindak sebagai pusat pengawasan

terhadap jumlah, jenis dan nilai barangan yang keluar masuk, dalam usaha menstrukturkan kembali sistem statistik perdagangan yang sebelum ini longgar dan bersifat *ad hoc* (Karagöz, 2020). Kedua-dua institusi ini memperlihatkan niat Mahmud II untuk membina kerangka kawalan ekonomi berasaskan data dan tatakelola moden, seiring dengan semangat reformasi birokratik yang lebih luas dalam pemerintahannya.

Sebagai pelengkap kepada usaha tersebut, sistem *ih̄tisab* yang selama ini beroperasi sebagai mekanisme kutipan cukai pasaran harian telah dimansuhkan, lalu digantikan dengan *temettu vergisi*, iaitu cukai berdasarkan keuntungan sebenar perniagaan (Yücel, 2015). Perubahan ini didukung oleh pelaksanaan banci penduduk dan kekayaan secara sistematik, yang bukan sahaja meningkatkan ketelusan fiskal, tetapi juga membolehkan kerajaan membina pangkalan data ekonomi yang lebih menyeluruh. Dengan asas ini, institusi kewangan dan perdagangan baharu tidak lagi sekadar berperanan sebagai pemungut cukai, tetapi sebagai instrumen pengurusan ekonomi kerajaan yang sejajar dengan gagasan Mahmud II untuk menjadikan pentadbiran Uthmaniyyah lebih berasaskan prinsip rasionaliti, kecekapan dan kawalan berpusat. Namun demikian, meskipun struktur institusi ini kelihatan moden dan berpandangan jauh, keberkesanannya tetap terhad oleh tekanan luaran dan kekangan dalaman. Pedagang asing bukan sahaja membawa modal dan teknologi, malah mereka disokong oleh kekebalan diplomatik dan rangkaian perjanjian konsesi yang mengekang kuasa kedaulatan fiskal kerajaan. Institusi perdagangan yang diwujudkan pasca-1839, dengan segala keterbatasannya, mencerminkan usaha untuk menstrukturkan semula ruang ekonomi sebagai sebahagian daripada projek pemusatan kuasa dan pembinaan identiti kerajaan moden (Toktaş, 2023). Dalam erti kata lain, Mahmud II tidak hanya menyusun dasar tatakelola perbendaharaan, tetapi merencana semula epistemologi kekuasaan.

4.0 MAHMUD II: ARKITEK EKONOMI UTHMANIYYAH MODEN

Kemasyhuran seorang negarawan bukan diukur pada keberaniannya menggenggam tradisi, tetapi pada keupayaannya mengartikulasikan semula realiti zaman dengan daya fikir yang menjangkau batasan budaya dan geopolitik. Dalam sejarah pemodenan Uthmaniyyah, Mahmud II tidak sekadar diingati sebagai reformis politik atau pembaharu ketenteraan, tetapi juga sebagai perancang besar yang meletakkan asas kepada ekonomi kerajaan moden (Toktaş, 2023). Pemerintahannya menyaksikan peralihan paradigma daripada sistem patrimonial dan bersifat tidak saling berkait kepada satu struktur yang lebih tersusun, berpusat dan berasaskan prinsip kecekapan tadbir urus. Walaupun berdepan tekanan domestik daripada kelas birokrat lama dan cabaran eksternal hasil persaingan kuasa Eropah, Mahmud II memanfaatkan krisis sebagai peluang untuk menstrukturkan semula jentera ekonomi kerajaan. Keputusan Mahmud II untuk memodenkan sistem pendidikan, membentuk kementerian khusus, memperkukuh hierarki pentadbiran serta memusatkan kawalan ke atas hasil dan sumber kerajaan merupakan refleksi kepada satu situasi geopolitik tidak menentu bagi menghadapi persekitaran antarabangsa yang semakin bersifat kuasa industri dan negara-bangsa. Kerajaan Uthmaniyyah juga perlu berevolusi daripada sebuah kerajaan feudalisme Islam kepada struktur kerajaan moden yang kompetitif (Clark, 1974). Dalam konteks ini, Mahmud II tampil bukan semata-mata

sebagai agen kuasa, tetapi sebagai subjek politik reflektif yang menjadikan Eropah sebagai sebagai medan perbandingan epistemik dalam usaha membentuk semula wacana dan struktur tadbir urus ekonomi dan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah yang mampan.

Dalam usaha memodenkan struktur fiskal Kerajaan Uthmaniyyah sepanjang pemerintahannya antara tahun 1808 hingga tahun 1839, Mahmud II mengambil langkah-langkah sistematik yang mencerminkan adaptasi terhadap model fiskal Barat, tanpa mengeneipkan kerangka tradisi Uthmaniyyah dan sensitiviti agama Islam. Sebahagian besar daripada langkah ini menumpukan kepada pembaharuan struktur pungutan hasil yang tidak efisien dan sering disalahgunakan oleh pegawai tempatan, selain memperkukuh integriti dan ketelusan dalam sistem cukai menerusi pemodenan institusi dan perundangan (Kılıç, 2020). Keinginan Mahmud II untuk menyusun semula struktur kewangan kerajaan berasaskan prinsip rasional dan sistematik jelas memperlihatkan pengaruh falsafah fiskal Eropah, khususnya yang berkembang pesat dalam kerajaan-kerajaan besar seperti Perancis dan Austria selepas Era Pencerahan. Langkah awal yang penting dan bersifat asas ialah penghapusan amalan pungutan cukai sewenang-wenangnya oleh pegawai daerah, yang menjadi satu bentuk penindasan fiskal terhadap penduduk luar bandar dan bandar. Pada tahun 1834, Mahmud II mengeluarkan satu *firman* khas yang melarang sebarang kutipan cukai melainkan dalam dua tempoh khusus dalam setahun. Sebarang bentuk pungutan lain dianggap bertentangan dengan kehendak syariat dan prinsip pentadbiran Sultan. Ini merupakan satu isyarat langsung ke arah penstrukturan sistem fiskal berdasarkan prinsip *predictability* dan *legal accountability*, yang selaras dengan pendekatan fiskal moden di Barat yang menekankan kepastian dalam cukai dan penghapusan *discretionary powers* dalam kalangan pegawai negeri (Shaw, 1975). Walaupun tidak secara langsung meniru sistem Barat, pendekatan ini amat mirip dengan falsafah fiskal yang diketengahkan oleh pensejarahan fiskal Eropah pasca Revolusi, yang menolak sebarang bentuk cukai luar bajet tanpa perundangan parlimen atau raja.

Satu aspek yang sering terlepas daripada radar wacana sejarah reformasi Uthmaniyyah ialah penyusunan semula sistem wakaf melalui pembentukan *Evkaf-ı Hümayun Nezâreti* pada tahun 1831 (Iskandar, 2022). Sejak tahun 1813, hasil-hasil wakaf yang sebelum itu dikendalikan secara tempatan dan sering dieksploitasi oleh golongan elit *mutawalli* serta birokrat daerah telah disentralisasikan di bawah satu agensi rasmi. Penubuhan institusi *Evkaf-ı Hümayun Nezâreti* secara tidak langsung menyusun semula pengurusan dana amal dan sosial ke dalam satu struktur fiskal kerajaan, sekali gus mengilhami fungsi agensi seperti *Commission des Hospices* di Perancis atau *Poor Laws* di Britain, iaitu fungsi kebajikan dan harta keagamaan diletakkan di bawah kawalan kerajaan bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan (Iskandar, 2022). Selain itu, kementerian ini turut menubuhkan pejabat wakaf di wilayah, menjadikan pengurusannya sejajar dengan prinsip birokrasi berpusat dan akauntabiliti fiskal, seperti mana agensi pengurus dana sosial dalam pentadbiran Austria dan Perancis pada abad ke-19M. Dengan ini, Mahmud II bukan sahaja memperkukuh fiskal kerajaan melalui pengawalan hasil institusi keagamaan, malah mencipta prasyarat bagi belanjawan kebajikan sosial yang tersusun, berorientasikan hasil dan bukan semata-mata berdasarkan budi bicara para pemimpin tempatan. Sehubungan dengan itu, usaha ke arah penyeragaman cukai berasaskan keuntungan

merupakan antara ciri penting Mahmud II dalam mengadaptasi falsafah fiskal Barat, khususnya dalam konteks pengiraan hasil berdasarkan pendapatan sebenar dan bukan semata-mata pemilikan tanah atau status sosial. Meskipun sistem *temettu vergisi* secara rasmi diperkenalkan selepas Tanzimat pada tahun 1858, Mahmud II telah memulakan langkah asas ke arah sistem ini dengan mengarahkan banciaan perniagaan, penduduk dan penghasilan awal statistik ekonomi (Yücel, 2015). Ini membolehkan kerajaan pusat untuk mula memahami realiti ekonomi rakyat dan mencadangkan sistem percukaian yang lebih adil, berdasarkan kapasiti sebenar seseorang untuk membayar. Pendekatan ini bertepatan dengan prinsip fiskal klasik Barat, seperti yang dikemukakan oleh Smith (1776), iaitu amalan cukai perlu bersifat proporsional dengan pendapatan dan mesti berdasarkan maklumat nyata yang boleh diabsahkan. Dengan demikian, Mahmud II telah meletakkan asas epistemik bagi pentadbiran fiskal moden yang menekankan keadilan, keberkesanan dan ketelusan.

Satu dimensi yang wajar diberi perhatian dalam pembaharuan radikal yang menandai lonjakan falsafah pemerintahan Mahmud II ialah penghapusan sistem *iqta'* atau *timar*, satu bentuk pemberian tanah sebagai ganjaran ketenteraan yang telah sekian lama menjadi asas ekonomi dan struktur sosial kerajaan (Meirison, 2020). Sistem ini, yang berakar daripada susunan feodal Uthmaniyyah awal, semakin menampakkan ketempangannya menjelang abad ke-19M, apabila hak pemilikan dan kutipan hasil oleh para *sipahi* bukan sahaja menghasilkan pelbagai bentuk penyelewengan dan penindasan, tetapi juga menghakis keberkesanan kerajaan pusat dalam mengawal hasil bumi dan mobilisasi ketenteraan. Mahmud II melihat struktur *iqta'* bukan sekadar tidak cekap dari sudut ekonomi, malah menjadi halangan kepada pembentukan kerajaan berpusat yang moden dan rasional. Dengan memansuhkan sistem ini secara berperingkat menjelang dekad 1830-an, Mahmud II secara berani memutuskan pergantungan institusional terhadap kelas *sipahi* lama, sekali gus meletakkan asas kepada sistem gaji tetap dalam ketenteraan dan perkhidmatan awam yang lebih tersusun serta terjamin dari sudut perbelanjaan kerajaan. Ini bukan hanya soal pentadbiran, tetapi mencerminkan suatu revolusi pentadbiran kerajaan, daripada kuasa yang bertumpu pada tanah dan kasta lama, kepada kuasa yang berasaskan undang-undang, sistem gaji dan rasionaliti fiskal kerajaan moden. Justeru, penghapusan *iqta'* tidak boleh dibaca sebagai tindakan teknokratik semata-mata, tetapi sebagai dekonstruksi terhadap struktur sosial feudalisme Islamik yang tidak lagi mampu menyokong kelangsungan kerajaan dalam era imperialisme moden (Barkey & Gavrilis, 2015).

Sebagai kesinambungan kepada reformasi fiskal dan pentadbiran, Mahmud II turut melaksanakan pembaharuan ketenteraan yang mendalam dengan menubuhkan pasukan angkatan tetap bercirikan disiplin Barat. Pemansuhan Kor Janissari pada tahun 1826, yang dikenali sebagai *Vaka-i Hayriye*, bukan hanya bertujuan untuk menghapuskan satu institusi tentera yang ketinggalan zaman, tetapi mencerminkan perubahan asas dalam falsafah sistem pertahanan kerajaan (Doğan, 2013). Mahmud II menyedari kekuatan ketenteraan yang cekap memerlukan struktur yang moden, terurus dan profesional, sejajar dengan perkembangan kuasa ketenteraan di Eropah. Justeru, penubuhan *Asâkir-i Mansûre-i Muhammediye* menggantikan struktur lama dengan sebuah pasukan tetap yang menjalani latihan sistematik, menerima gaji tetap dan berkhidmat di bawah perintah pusat (Suleymanov, 2025). Sebagai pelengkap

kepada pemodenan ini, Mahmud II turut menubuhkan institusi pendidikan ketenteraan seperti *Mekteb-i Harbiye* pada tahun 1834 dan *Mekteb-i Tibbiye-i Şahane* pada tahun 1827 (Aksu, 2019). Institusi pendidikan ketenteraan ini bukan sahaja melatih pegawai tentera dalam ilmu ketenteraan moden, tetapi turut menerapkan ilmu sains, matematik dan perubatan yang berteraskan pendekatan rasional Barat. Ciri-ciri seperti pengambilan berasaskan kelayakan, kurikulum terstruktur dan latihan berdisiplin menggambarkan peralihan kepada pasukan tentera berorientasikan merit, ilmu dan kepakaran teknikal (Bilgin, 2023). Reformasi ketenteraan ini sekali gus menzahirkan visi Mahmud II terhadap kerajaan moden yang memiliki keupayaan pertahanan tersendiri, bebas daripada kepentingan kor lama atau struktur ketenteraan warisan. Oleh yang demikian, reformasi ketenteraan tidak hanya memperkukuh keupayaan pertahanan Uthmaniyyah, tetapi turut menyumbang kepada perubahan menyeluruh dalam struktur pemerintahan kerajaan.

5.0 CABARAN DAN TANTANGAN TERHADAP PEMBAHARUAN EKONOMI UTHMANIYYAH

Walaupun agenda pembaharuan yang dilancarkan oleh Mahmud II sarat dengan visi rasional dan berorientasikan sistem pemerintahan moden, pelaksanaannya tidak pernah terlepas daripada ranjau institusi, tentangan elit dan kekangan struktur warisan lama. Reformasi ekonomi yang disusun melalui penyeragaman sistem cukai, pemusatan perbendaharaan serta penstrukturan semula wakaf dan birokrasi bukan sahaja mengandaikan keberanian politik yang berterusan, bahkan menzahirkan keperluan kepada ketegasan intelektual serta keupayaan institusi untuk menstruktur semula kerangka kekuasaan ekonomi yang telah lama berakar. Dalam konteks ini, Mahmud II bukan sekadar melaksanakan penyusunan semula institusi pentadbiran yang kompleks, tetapi juga sebuah dunia sosial yang terikat pada adat, kepentingan peribumi dan sentimen keagamaan yang menolak unsur asing yang dilihat sebagai pencemaran terhadap keaslian tradisi Islam. Pembaharuan yang cuba memodelkan Barat seringkali dicurigai sebagai penyimpangan daripada asas syariat dan tatanan lama, manakala elit birokrat dan tentera lama, yang terancam kedudukannya menjadi penghalang dalam diam. Tambahan pula, kekuatan kuasa asing yang semakin menembusi jantung ekonomi dan perdagangan menjadikan pembaharuan dari dalam sentiasa tergantung antara idealisme dan realiti, antara struktur yang ingin dibina dengan struktur yang enggan runtuh (Clark, 1974).

Ulama konservatif merupakan kelompok yang paling lantang menentang dasar-dasar pemerintahan Mahmud II, memandangkan mereka melihat pembaharuan yang berteraskan Barat secara langsung melemahkan peranan agama dalam kerajaan (Saydam, 2024). Mereka mempersoalkan keabsahan perubahan yang mencabar amalan-amalan Islam tradisional seperti sistem pendidikan madrasah, pemakaian serban dan pelaksanaan hukum syariah. Dalam kalangan mereka, perubahan ini disamakan dengan proses sekularisasi yang menyalahi prinsip pemerintahan Islam. Penolakan mereka turut didorong oleh kehilangan kuasa ke atas pendidikan dan perundangan, dua sektor utama yang selama ini menjadi medan pengaruh ulama dalam masyarakat. Sebilangan mereka menuduh Mahmud II sebagai *ghafil* atau bahkan *kafir* kerana dianggap telah tunduk kepada pengaruh asing dan mengeneipkan warisan Islam dalam struktur pentadbiran kerajaan (Anscombe,

2010). Penentangan ini bukan sahaja berlaku secara retorik dalam khutbah dan fatwa, malah disertai dengan penyebaran pemikiran anti-reformasi dalam kalangan rakyat yang masih setia kepada tatanan lama. Sementara itu, birokrat tradisional yang selama ini membina karier melalui sistem hierarki Uthmaniyyah yang berasaskan hubungan patron-klien juga menunjukkan keengganan untuk menerima pembaharuan yang menjanjikan meritokrasi dan struktur birokrasi moden. Golongan ini merasa terganggu apabila institusi-institusi baru diperkenalkan, yang tidak lagi bergantung kepada keturunan, warisan atau jaringan sosial tradisional, tetapi lebih kepada kelayakan profesional dan pendidikan moden. Mereka menganggap pembaharuan ini sebagai strategi untuk melemahkan peranan mereka dan memberi kelebihan kepada kelompok baru yang dididik dalam sistem sekular. Justeru, birokrat tradisional sering melakukan sabotaj terhadap pelaksanaan reformasi melalui rintangan pentadbiran, manipulasi dokumen dan persekongkolan diam-diam dengan pihak yang menentang perubahan (Colak, 2024). Penentangan mereka lebih bersifat senyap tetapi sistematik, menjadikan pelaksanaan reformasi sebagai sesuatu yang berhadapan dengan birokrasi yang tidak efisien dan penuh rintangan dalaman.

Tambahan pula, ramai kalangan ulama dan birokrat lama menjalin hubungan erat dengan Kor Janissari, sebuah institusi tentera yang juga menjadi benteng kepada struktur sosial tradisional. Penentangan mereka terhadap pembaharuan Mahmud II menjadi semakin tegas apabila sultan bertindak membubarkan Janissari melalui *Vaka-i Hayriye* pada tahun 1826. Bagi mereka, tindakan ini merupakan isyarat yang menandakan institusi lama termasuk jaringan kuasa keagamaan dan ketenteraan tidak lagi relevan dalam pemerintahan moden yang dirancang oleh Mahmud II. Pembubaran Janissari bukan sahaja memusnahkan kekuatan fizikal yang melindungi kepentingan elit lama, tetapi juga memutuskan jaringan pengaruh sosial antara ulama, birokrat dan tentera (Şahin & Keleş, 2019). Lantaran daripada itu, tidak menghairankan apabila pasca peristiwa tersebut, sentimen penentangan terhadap Mahmud II semakin meningkat, khususnya di madrasah, masjid dan pusat kekuasaan lama yang kehilangan taring politiknya. Keresahan terhadap perubahan disalurkan melalui retorik agama, sabotaj pentadbiran dan propaganda sosial, menjadikan proses reformasi bukan suatu yang mudah untuk dilaksanakan. Penentangan ini membuktikan dalam sejarah mana-mana pembaharuan besar, faktor budaya, agama dan kedudukan kelas sentiasa menjadi batu penghalang utama dalam proses transisi ke arah moderniti.

Satu bentuk penentangan yang ketara terhadap reformasi tadbir urus Mahmud II datang daripada golongan *sipahi* luar kota, iaitu tentera berkuda tradisional yang selama berabad-abad menjadi tunjang sistem ketenteraan Uthmaniyah melalui pelantikan berdasarkan sistem *timar* (Saydam, 2024). Sistem *timar* merupakan pemberian tanah oleh kerajaan kepada golongan *sipahi* sebagai ganjaran perkhidmatan ketenteraan, manakala sebagai balasan, *sipahi* dikehendaki menyumbang tenaga ketenteraan apabila diperlukan. Namun, pembaharuan Mahmud II yang berorientasikan model ketenteraan Eropah secara langsung mengancam kedudukan ekonomi dan sosial golongan ini, khususnya melalui pengurangan dan seterusnya penghapusan sistem *timar* demi membentuk angkatan tetap dan bergaji (Shaw & Yapp, 2024). Pengurangan sistem *timar* bukan sahaja menggugat sumber pendapatan utama *sipahi*, tetapi turut menjejaskan kedudukan mereka dalam hierarki sosial wilayah. Hal ini menimbulkan rasa tidak puas hati

yang mendalam dalam kalangan *sipahi* luar kota, yang melihat pembaharuan ini sebagai bentuk penafian hak warisan mereka dan satu bentuk penghinaan terhadap sistem tradisional Islam-Turki yang selama ini dipertahankan. Mereka juga menganggap model tentera bergaji tetap yang diilhamkan dari Eropah membuka ruang kepada pengaruh bukan-Islam serta mengurangkan pengaruh kelas ketenteraan tradisional dalam pentadbiran wilayah.

Beberapa insiden penentangan golongan *sipahi* luar kota turut direkodkan dalam catatan sejarah. Antara contoh penting ialah protes terbuka di wilayah Anatolia dan Balkan, apabila sekumpulan *sipahi* enggan menyerahkan tanah *timar* mereka apabila diarahkan oleh pihak berkuasa. Di sesetengah wilayah, mereka bertindak secara kolektif menghalang pelantikan pegawai baharu yang bukan daripada kalangan mereka dan dianggap mewakili dasar kuasa pusat yang bertentangan dengan tradisi. Penentangan ini bukan sahaja berbentuk pasif, seperti keengganan membayar cukai atau memenuhi arahan ketenteraan, tetapi juga melibatkan tindakan ganas seperti menyerang pegawai kerajaan, membakar dokumen pelantikan dan membentuk pakatan dengan pemimpin tempatan atau golongan ulama yang turut tidak senang dengan pelaksanaan pembaharuan ala Barat. Sehubungan itu, Mahmud II perlu menggunakan pendekatan paksaan dan kekerasan untuk menundukkan penentangan tersebut. Sebahagian besar tanah *timar* disita dan diserap masuk ke dalam sistem kewangan kerajaan sebagai *miri arazi* (tanah milik kerajaan), manakala sebilangan *sipahi* yang enggan mematuhi arahan telah disingkirkan atau dihukum (Solomonovich & Kark, 2015). Langkah ini menyebabkan golongan *sipahi* hilang bukan sahaja kuasa ekonomi dan ketenteraan, tetapi juga pengaruh sosial di kawasan pedalaman. Lebih jauh lagi, penghapusan sistem *timar* menandakan peralihan struktur kuasa tentera daripada model feudal kepada struktur moden yang bergantung kepada pewujudan angkatan tentera tetap dan pembiayaan perbendaharaan kerajaan, sekali gus memperkukuh kuasa pusat tetapi melemahkan autonomi ketenteraan wilayah (Shaw & Yapp, 2024).

Di sebalik usaha gigih Mahmud II dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan tadbir urus Uthmaniyyah secara menyeluruh, realiti kewangan dan logistik yang terbatas sering kali menjadi penghalang utama terhadap keberkesanan agenda pemodenan yang ingin dibawa. Reformasi struktur pentadbiran, ketenteraan dan pendidikan yang memerlukan peruntukan perbelanjaan yang besar, tenaga kepakaran yang khusus serta sokongan infrastruktur moden telah menjadikan kekangan sumber sebagai isu kritikal yang tidak dapat dielakkan. Ketandusan sumber bukan sekadar berpunca daripada kelemahan sistem percukaian Uthmaniyyah yang tidak efisien, tetapi turut dibebani dengan hutang luar kerajaan, kemelesetan ekonomi dan konflik ketenteraan yang berlarutan. Secara khusus, proses pembentukan pasukan tentera baharu menggantikan Kor Janissari, iaitu *Asâkir-i Mansûre-i Muhammediye*, memerlukan kos yang amat tinggi (Şahin & Keleş, 2019; Suleymanov, 2025). Angkatan tentera baharu ini perlu dilatih dengan peralatan moden, diurus secara berpusat dan diberikan gaji tetap mengikut struktur dan model ketenteraan Eropah. Namun, ketiadaan dana mencukupi menyebabkan sebahagian latihan tergendala, manakala bekalan senjata dan uniform tidak mencukupi untuk semua rekrut. Menurut catatan sejarah, terdapat kes anggota tentera baharu terpaksa menggunakan senjata lama atau menerima latihan tidak sistematik kerana kekurangan pelatih dan prasarana. Keadaan ini memberi kesan

langsung kepada moral anggota tentera serta keberkesanan strategi pertahanan Uthmaniyyah ketika itu, lebih-lebih lagi ketika kerajaan sedang berdepan ancaman luar seperti dari Rusia dan pemberontakan dalaman di Balkan (Levy, 1971).

Di samping itu, pemerintahan Uthmaniyyah berada dalam tekanan untuk membayar pampasan dan menanggung kos peperangan, terutama selepas Perang Uthmaniyyah-Rusia (1828-1829) yang memburukkan lagi defisit kewangan kerajaan (Stephanov, 2019). Sebahagian sumber kewangan kerajaan perlu disalurkan untuk membiayai peperangan dan membayar pampasan kepada kuasa asing, menyebabkan agenda reformasi sosial dan pendidikan perlu dikurangkan skalanya. Sebagai contoh, rancangan untuk membuka lebih banyak sekolah kerajaan dan mencetak buku teks dalam jumlah besar terbantut kerana kekurangan dana dan kelengkapan percetakan moden. Akibatnya, kadar literasi yang ingin dipertingkatkan melalui sistem pendidikan baharu tidak berjaya dilaksanakan secara menyeluruh di luar bandar. Dari aspek logistik pentadbiran pula, usaha untuk menstrukturkan semula birokrasi moden dengan sistem kementerian dan jabatan khusus juga memerlukan peralatan, sistem rekod yang efisien serta staf yang mahir dalam pentadbiran moden. Namun, sumber manusia yang berpendidikan dalam bidang tersebut masih terhad. Ramai pegawai sedia ada dibesarkan dalam sistem tradisional dan tidak mempunyai latihan teknikal moden, manakala bilangan pelajar lulusan sekolah baru kerajaan seperti *Rüşdiye* dan *Mekteb-i Maarif-i Adliye* masih kecil dan belum mencukupi untuk memenuhi keperluan pentadbiran seluruh kerajaan (Sariköse, 2020; Yücedağ & Erdoğan, 2018). Kekangan ini menyebabkan pelaksanaan pemodenan tadbir urus Mahmud II menjadi tidak sekata dan hanya tertumpu di pusat pentadbiran seperti Istanbul.

Dari aspek perundangan, reformasi Mahmud II turut mencetuskan kegelisahan dalam kalangan elit tradisional, khususnya apabila baginda menubuhkan *Meclis-i Vâlâ-yı Ahkâm-ı Adliye* pada tahun 1837 (Colak, 2024). Majlis ini merupakan badan kehakiman dan perundangan baharu yang bertujuan untuk menggantikan sistem kehakiman berasaskan Syariah yang sebelumnya berada di bawah kawalan para *qadi* dan ulama. Langkah ini dianggap sebagai pencabulan terhadap autoriti tradisional yang sekian lama menguasai tafsiran undang-undang dan pelaksanaan keadilan dalam Kerajaan Uthmaniyyah. Penubuhan *Meclis-i Vâlâ* secara tidak langsung memperkenalkan unsur-unsur sekularisme dan rasionalisasi undang-undang yang berasaskan model Barat (Ünal, 2024). Sebagai contoh, struktur birokrasi majlis ini melibatkan pegawai-pegawai yang dilantik kerajaan pusat dan tidak semestinya datang daripada latar pendidikan agama, sekali gus menandakan peralihan kuasa daripada ulama kepada birokrat moden. Hal ini menimbulkan keraguan dan bantahan dalam kalangan ulama yang melihatnya sebagai satu bentuk peminggiran terhadap hukum Islam dan peranan mereka dalam masyarakat. Reaksi terhadap perubahan ini tidak hanya bersifat retorik, tetapi juga terzahir melalui tindakan menolak pelaksanaan keputusan majlis di beberapa wilayah. Beberapa *qadi* enggan melaksanakan keputusan yang dianggap 'asing' dan tidak bersumberkan nas-nas syarak, bahkan terdapat kalangan mereka yang menggunakan khutbah dan fatwa untuk membangkitkan keraguan rakyat terhadap sistem kehakiman baharu ini. Ini memperlihatkan konflik perundangan turut melibatkan pergelutan antara epistemologi Syariah dan keperluan kodifikasi undang-undang moden. Di samping itu, perlu ditekankan pengenalan institusi *Meclis-i Vâlâ* ini bukan sekadar sebagai

pembaharuan teknokratik, tetapi turut mencerminkan perubahan asas terhadap konsep keadilan dan autoriti dalam masyarakat Islam Uthmaniyyah (Kılıç, 2020). Penubuhannya telah merombak dominasi intelektual dan sosial ulama, sekali gus mengalihkan sumber legitimasi kerajaan daripada teks suci kepada prosedur pentadbiran. Pemodenan ini meskipun bertujuan untuk memperkukuh Kerajaan, telah menimbulkan konflik struktur antara dua wacana besar; Syariah sebagai warisan teologis dan undang-undang kerajaan sebagai instrumen rasional modeniti.

6.0 KESIMPULAN

Perbahasan kupasan dalam makalah ini membuktikan pemodenan tadbir urus pentadbiran ekonomi yang diperkenalkan oleh Mahmud II merupakan detik permulaan kepada kemunculan dimensi baharu dalam tadbir urus fiskal dan institusi kerajaan Uthmaniyyah yang lebih moden, berpusat dan berteraskan prinsip rasional. Usaha pemodenan yang dilaksanakan, termasuk penghapusan sistem *timar*, pembentukan kementerian kewangan, pelaksanaan sistem cukai berasaskan keuntungan serta pembinaan birokrasi bergaji, mencerminkan kesinambungan adaptasi model pentadbiran Barat tanpa mengabaikan kerangka tradisional Islam. Namun begitu, proses pemodenan ini turut berdepan tentangan kuat daripada elit feodal, ulama konservatif dan struktur sosial tradisional yang menolak perubahan berkenaan. Justeru, pemerihalan ini memberikan sumbangan penting dalam mengisi kelompangan historiografi pemodenan tadbir urus fiskal era Mahmud II, khususnya dalam konteks wacana sejarah ekonomi Uthmaniyyah. Kajian lanjutan disarankan untuk memberi tumpuan terhadap perbandingan antara model pemodenan Mahmud II dengan usaha pemodenan ekonomi dalam era Tanzimat atau pemerintahan Islam lain seperti Dinasti Qajar dan Mughal, selain meneliti impak sosial secara mikro terhadap golongan kelas pekerja, petani dan pedagang tempatan. Dengan demikian, pemahaman yang lebih komprehensif tentang dinamik kuasa, epistemologi fiskal dan transisi institusi dapat dibina sebagai rujukan penting dalam menilai pembentukan kerajaan moden dalam tamadun Islam.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam: Uthmaniyyah' menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Jamsari, E. A., Baharudin, M. Z., Muttaqin, A., Mujani, W. K., Mohd Nor, M. R., Mohd Isa, A. D. dan Sulaiman, A., Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Aksu, A. (2019). Mekteb-i harbiye naziri miralay azmi bey in yabancı kaynaklar bağlamında hayati ve faaliyetleri. *The Journal of International Social Research*, 12(68), 795-806.
- Anh, D. T. (2024). Tanzimat reforms and the Ottoman Empire's reaction to Western powers, 1839-1876. *International Journal of Social Science and Education Research Studies*, 4(6), 642-650.
- Anscombe, F. F. (2010). Islam and the age of Ottoman reform. *Past & Present*, 208(1), 159-189.
- Balci, İ. (2023). Integration of Ottoman Empire into global economy between 1830-1840. *The Journal of SDE Academy*, 3(1), 103-130.
- Barkey, K. & Gavrilis, G. (2015). The Ottoman millet system: Non-territorial autonomy and its contemporary legacy. *Ethnopolitics*, 15(1), 24-42.
- Bilgin, R. (2023). Educational reforms during the reign of Mahmud II in Turkey. *International Journal of Social Sciences & Educational Studies*, 10(1), 145-150.
- Clark, E. C. (1974). The Ottoman industrial revolution. *International Journal of Middle East Studies*, 5(1), 65-76.
- Colak, Z. (2024). Pathways to modernity: Ottoman reforms before and during the tanzimat. *Journal of Turkic World Studies*, 24(2), 417-437.
- Demirbaş, S. (2015). The treaty of Balta Limani's role in Anglo-Ottoman relations during the Mehmet Ali problem. *Journal of History School*, 8(24), 233-251.
- Doğan, Ş. (2013). Osmanlı reform çağında yönetici elit sınıf Sınıf (1826-1878). *Mediterranean Journal of Humanities*, 3(1), 253-260.
- Erdil, K. & Kış, S. (2022). Osmanli devleti maliyesinde muhasib-i mesul ve divan-i muhasebat ile ilişkisi. *ANKARAD: Ankara Anadolu ve Rumeli Araştırmaları Dergisi*, 3(6), 295-322.
- Goodwin, K. (2006) . The Tanzimat and the problem of political authority in the Ottoman Empire: 1839-1876. *Honors Projects Overview*. Paper 5. <https://citeseerx.ist.psu.edu/document?repid=rep1&type=pdf&doi=016019046f6dfb976328d8ef3da3edb00aa46fb6>
- Güney, T. & Onhan, M. E. (2020). Abolition of Janissary corps and socioeconomic reflections. *BNEJSS: Balkan and Near Eastern Journal of Social Sciences*, 6(2), 66-81.
- Güvemli, O. (2018). Türkiye muhasebe mesleğinde yüz elli yıllık büyük yalnızlık (1839-1989). *Muhasebe ve Finans Tarihi Araştırmaları Dergisi*, 14, 23-63.
- Iskandar. (2022). Waqf institution and management cash waqf during the Ottoman period. *IJIBEC: International Journal of Islamic Business and Economics*, 6(1), 37-51.

- Karagöz, K. (2020). II. Mahmud dönemi Nakşibendi tekke ve zaviyelerine yapılan yardımlar (1808-1839). *UTAD: Uluslararası Tarih Araştırmaları Dergisi*, 4(2), 105-122.
- Kılıç, H. (2020). Tanzimat bürokrasisinde yeni idari yapı arayışlarında aracı reform kurumu olarak Meclis-i Ahkam-ı Adliye (1861-1868). *Electronic Turkish Studies*, 15(8), 4035-4048.
- Levy, A. (1971). The officer corps in Sultan Mahmud II's new Ottoman army, 1826-39. *International Journal of Middle East Studies*, 2(1), 21-39.
- Meirison, M. (2020). Administration and finance system of the Ottoman Empire. *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah*, 18(2), 91-111.
- Pamuk, S. (2014). Fiscal centralisation and the rise of the modern state in the Ottoman Empire. *The Medieval History Journal*, 17(1), 1-26.
- Şahin, A. N. E. & Keleş, H. (2019). An assesment of the employed foreign experts of *Asâkir-i Mansûre-i Muhammedîyye* army and education issues. *International Journal of Eurasia Social Sciences / Uluslararası Avrasya Sosyal Bilimler Dergisi*, 10(38), 1212-1220.
- Sarıköse, S. T. (2017). Sultan II. Mahmud döneminde Safranbolu'da Muhtarlık teşkilatının kurulması. *Journal of History Culture and Art Research*, 6(3), 337-357.
- Sarıköse, S. T. (2020). Bartın Rüştîye Mektebi. *İnsan ve Toplum Bilimleri Araştırmaları Dergisi*, 9(5), 3126-3147.
- Saydam, A. (2024). Kaht-ı ricâl girdâbında saltanat sürmek: II. Mahmud ve yönetici kadro (1808-1826). *Osmanlı Medeniyeti Araştırmaları Dergisi*, 23, 271-295.
- Shaw, S. J. & Yapp, M. E. (2024). The struggle to modernize: The empire from 1789 to 1924. *Britannica.com*. <https://www.britannica.com/place/decline-of-the-Ottoman-Empire-2230672/The-struggle-to-modernize-the-empire-from-1789-to-1924> [3 Ogos 2025].
- Shaw, S. J. (1975). The Nineteenth-century Ottoman tax reforms and revenue system. *International Journal of Middle East Studies*, 6(4), 421-459.
- Smith, A. (1776). *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*. London: W. Strahan and T. Cadell.
- Solomonovich, N. & Kark, R. (2015). Land privatization in nineteenth-century Ottoman Palestine. *Islamic Law and Society*, 22(3), 221-252.
- Stephanov, D. N. (2019). *Ruler Visibility and Popular Belonging in the Ottoman Empire, 1808-1908*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Suleymanov, K. (2025). Reign and reforms of Sultan Mahmut II (1808-1839). *The Scientific Heritage*, 153, 19-23.
- Toktaş, P. (2023). Cumhurbaşkanlığı Osmanlı arşivlerinde bulunan Sultan II. Mahmud dönemine ait dört fermanın tezhip özellikleri. *The Turkish Online Journal of Design Art and Communication*, 14(1), 148-161.
- Ünal, M. (2024). Fikha göre yasama: Mecelle-i Ahkâm-i Adliyye örneği. *Ankara Sosyal Bilimler Üniversitesi Hukuk Fakültesi Dergisi*, 6(2), 2328-2361.
- Yıldırım, R. N. (2006). II. Mahmut dönemi islahat hareketleri. Tesis Sarjana. Fırat Üniversitesi, Sosyal Bilimler Enstitüsü,
- Yılmaz, S. (2024). Sultan'ın mutlakiyeti ve müttelikleri: Nizam-ı Cedid dönemi üzerine bir inceleme. *Mavi Atlas*, 12(2), 330-347.

- Yücedağ, İ. & Erdoğan, H. (2018). Belgeler ışığında Osmanlı eğitiminde yeni sistem arayışları. *Journal of History Culture and Art Research*, 7(3), 621-631.
- Yücel, F. (2015). Socio-economic life in three Ottoman cities (Bursa, Kütahya and Vranje) in the mid-19th century through *Temettu'at & Nüfus* Registers. Tesis Sarjana. İstanbul Bilgi Üniversitesi.